



<b>Headline</b>	<b>24 perjanjian pertahanan RM4.271b dimeterai</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Online(www.utusan.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>29 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>300</b>
<b>Page No</b>	<b>36</b>	<b>Readership</b>	<b>8</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 500</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 1,500</b>

## 24 perjanjian pertahanan RM4.271b dimeterai

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8476737231&amp;z=1650248895](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8476737231&amp;z=1650248895)

LANGKAWI 28 Mac - Sebanyak 24 perjanjian dan kontrak bernilai RM4.271 bilion membabitkan industri pertahanan ditandatangani dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, jumlah keseluruhan itu diperolehi menerusi enam dokumen kontrak serta tiga surat setuju (LOA) Kementerian Pertahanan bernilai RM548 juta di samping 11 memorandum persetujuan (MoA) dan empat memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM3.7 bilion. "Perjanjian-perjanjian ini bagi memperkuat industri pertahanan di Malaysia terutamanya kerjasama mewujudkan penempatan syarikat-syarikat Eropah khusus dari Itali di Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MDSTP) di Sungkai, Perak," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak, MoU dan MoA sempena LIMA 2013 di sini hari ini. Antara syarikat yang menandatangani dokumen kontrak dan LOA adalah Joint Stock Company Aviation Holdings Company Sukhoi, Rosebank Engineering, UniKL Resources, Telekom Malaysia, Malaysian Airline System Bhd. (MAS), BHIC Aeroservices dan BHIC Defence Techservices. Kerjasama MoA dan MoU pula melibatkan kerajaan negeri Pahang, Puncak Niaga Holdings, MDSTP, Pertubuhan Industri Marin Malaysia (AMIM) dan Aerotree Defence & Services. Antara syarikat yang menandatangani MoU dan MoA dengan MDSTP adalah Artimal De System, Duromatic, Gem Elettronica, Khadra Ventures dan Pusat Kajian Aeroangkasa Itali (CIRA).